

PENDAHULUAN

Kajian Pembangunan Malaysia *Urban Observatory* (MUO) merupakan satu kajian bagi membangunkan rangkaian perkongsian maklumat perbandaran yang memenuhi hala tuju pembangunan perbandaran mampan. *Urban Observatory* merupakan inisiatif *United Nation* (UN) melalui *UN-Habitat* sebagai mekanisme bagi memantau perkembangan global dalam melaksanakan Agenda Habitat dan tren bandar global.

Inisiatif penubuhan MUO bermula dari Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) yang telah mencadangkan penubuhan MUO sebagai pusat pangkalan data yang menggunakan sistem maklumat pintar bersepadu sebagai mekanisme bagi memantau perkembangan kawasan bandar di dunia agar selari dengan agenda mampan global. RFN Ke-3 juga mencadangkan fungsi MUO sebagai alat memantau pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara dan dasar-dasar yang berkaitan dengannya untuk kemajuan pembangunan bandar dan wilayah di negara ini.

MUO juga dilihat sebagai rujukan pihak berkepentingan dalam penyediaan dasar dan membuat keputusan perancangan dalam melaksanakan komitmen negara terhadap perbandaran mampan.

Oleh itu, MUO akan menjadi platform bagi pemantauan, pelaporan, perkongsian data, penyelidikan dan analisis perbandaran bagi menyokong dalam membuat keputusan perancangan ke arah pelaksanaan pembangunan mampan.

MUO akan menjadi hub data dan maklumat perbandaran dari pelbagai sumber yang terkini serta doktrin perancangan berasaskan teknologi maklumat yang membantu untuk memudahkan proses pemantauan kemampan bandar. MUO juga perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas melibatkan konsep perkongsian pintar (*smart partnership*) serta perubahan *Standard Operating Procedure* (SOP) kerja berkomputer.

Kesediaan agensi-agensi dalam melaksanakan integrasi pangkalan data dan sistem dapat memudahkan usaha pembangunan MUO yang memberi tumpuan kepada analisis dan penilaian pematuhan garis panduan serta dokumen yang diwartakan. Kerjasama antara agensi kerajaan, agensi swasta, badan profesional, institusi pengajian tinggi dan organisasi berasaskan komuniti amat penting dalam perolehan maklumat serta penyebaran maklumat yang lebih komprehensif. Kerjasama ini merupakan perkongsian strategik (*strategic partnerships*) dalam membentuk usaha sama dalam pelbagai aktiviti sokongan MUO.

MUO akan dilaksanakan mengikut tiga (3) fasa yang dicadangkan mengikut Rancangan Malaysia Lima Tahun. Pelaksanaan MUO akan ditunjukkan dalam bentuk *road map* yang akan menjadi panduan dalam pelaksanaan MUO dan perlu dilaksanakan oleh semua agensi yang terlibat.

1.1 Latar Belakang

Malaysia merupakan salah satu negara yang pesat membangun dengan kadar perbandaran yang kian meningkat akibat daripada tekanan pembangunan dan pertambahan penduduk di kebanyakan bandar-bandar utama. Proses urbanisasi ini telah menyumbang kepada pengurusan bandar yang kompleks. Dalam hal ini, pengurusan bandar perlu diperkemaskan bagi menampung keperluan penduduk yang tinggi.

Oleh itu, kerajaan Malaysia telah melihat kepentingan terhadap keperluan satu sistem yang holistik untuk memantau dan menguruskan isu-isu perbandaran di bandar-bandar utama serta membantu pihak pentadbir bandar dalam membuat keputusan bagi menyelesaikan isu-isu perbandaran yang timbul. Bagi memastikan pengurusan bandar dan penyelarasan pembangunan bandar yang efisien, keperluan data dan maklumat menjadi asas dalam memantau dan menilai impak perancangan pembangunan.

RFN Ke-3 telah menggariskan pembentukan *Malaysia Urban Observatory* (MUO) di bawah **Bab 7: Pelaksanaan Rancangan Fizikal Negara, Teras P2: Pembentukan *Malaysia Urban Observatory* (MUO)**. *Malaysia Urban Observatory* (MUO) akan menjadi satu platform pusat pangkalan data yang mengaplikasikan sistem maklumat pintar bersepadu (*Integrated Smart Information System*) bagi pembangunan bandar ke arah pembangunan mampan. Strategi dan matlamat MUO akan berhubungkait dengan matlamat *Sustainable Development Goals* (SDGs), *New Urban Agenda* (NUA) dan Teras Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFNKe-3). MUO juga menterjemahkan Dasar Wawasan Kemakmuran Negara 2030 (WKB2030) yang mengambilkira pemboleh daya wawasan kemakmuran bersama iaitu kelestarian dan data raya yang bersepadu dan berintegrasi.

Cadangan penubuhan MUO akan menjadi alat atau rangkaian perkongsian maklumat dan pemantauan sasaran dan indikator pembangunan mampan. Selaras dengan itu, MUO menyediakan platform perkongsian maklumat dan integrasi sistem antara agensi. MUO akan dibangunkan berasaskan ciri-ciri pembangunan sistem dan aplikasi yang interaktif dan boleh melakukan analisis spatial bagi menangani isu-isu perbandaran. MUO juga menyediakan pelbagai fungsi seperti paparan, pelaporan, maklumat statistik, analisis bagi sokongan membuat keputusan. Ini akan menjadi satu asas maklumat sokongan bagi pihak pentadbir dalam membuat keputusan dan menyelesaikan isu-isu perbandaran yang berlaku. MUO sangat berkepentingan tinggi dalam merangka corak pembangunan negara melalui agenda perbandaran negara yang menggariskan hubungan antara perbandaran yang baik dan peningkatan kualiti hidup.


1.2 Keperluan *Malaysia Urban Observatory (MUO)*

Kemajuan di dalam pembangunan teknologi maklumat, pembangunan pengetahuan ekonomi (K-Ekonomi) dan pelbagai proses globalisasi telah mengubah dan mempengaruhi sistem bandar dunia. Pelbagai masalah sosial dan persekitaran akan timbul sekiranya perbandaran terbentuk secara tidak dikawal dan secara tidak dirancang. Antara isu perbandaran di Malaysia termasuklah:

1. Kos perumahan yang semakin meningkat
2. Peningkatan kos sara hidup di bandar-bandar
3. Peningkatan penajanaan sisa pepejal
4. Peningkatan kenderaan dan kesesakan trafik
5. Peningkatan penggunaan sumber air
6. Pemeliharaan alam sekitar

Bagi menangani isu dan cabaran perbandaran, *Urban Observatory (UO)* menjadi satu keperluan kepada negara. MUO akan berfungsi sebagai alat pemantauan bandar dan pemudahcara dalam proses mengenalpasti dan menganalisis isu-isu semasa perbandaran. MUO juga akan membantu dalam merangka penyelesaian bagi menangani isu dan permasalahan perbandaran dengan mengambil kira aspek kesejahteraan sosial, budaya, ekonomi dan alam sekitar. Kewujudan MUO di peringkat tempatan akan dapat membantu pengumpulan data dan maklumat seterusnya dapat diselaraskan mengikut keperluan indikator yang mengukur kesejahteraan dan kemampuan negara.

Terdapat lima (5) keperluan MUO dalam membantu Malaysia sebagai negara mampan iaitu:

- 
1. Mencapai matlamat pembangunan bandar secara global melalui perbandingan dengan pencapaian bandar-bandar lain di dunia.
 2. Menilai tren perbandaran di Malaysia secara komprehensif dan meningkatkan pemantauan indikator pembangunan bandar mampan.
 3. Membolehkan keputusan perancangan yang lebih tepat dan mudah dengan adanya platform bagi analisis untuk menangani isu bandar yang semakin kompleks.
 4. Output analisis akan menjadi signifikan sebagai input untuk merangka strategi pembangunan sesebuah bandar.
 5. Pengurusan dan perkongsian data dan maklumat semasa akan menjadi lebih efisien.

1.3 Kronologi Kajian *Malaysia Urban Observatory* (MUO)

Pendekatan secara rundingan dan perbincangan dengan semua agensi pelaksana, Pihak Berkuasa Negeri serta pihak-pihak berkepentingan telah dilaksanakan sepanjang proses Kajian Pembangunan *Malaysia Urban Observatory* (MUO).

Rajah 1.1 Aktiviti sesi rundingan dan perbincangan FGD

12

Mesyuarat Pasukan Kajian bersama Pasukan Teras



Sesi Perbincangan dan Semakan Draf Laporan Akhir di Port Dickson, Negeri Sembilan



Perbincangan bersama perunding berkaitan ulasan Draf Laporan Akhir MUO

3

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras dan Teknikal bersama agensi-agensi kerajaan



Sesi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Laporan Teknikal



Sesi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Peringkat Draf Laporan Akhir

3

Perbincangan secara berkumpulan (FGD)

Kaedah yang digunakan:

- borang soal selidik
- *voting (mentimeter)*
- perbincangan dan perkongsian maklumat

- Perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion-FGD*) bagi mendapatkan maklum balas antara agensi dalam perkongsian maklumat bagi pembentukan kerangka kandungan MUO dan memahami polisi semasa dalam pembangunan ICT di agensi berkepentingan.
- FGD dan maklum balas di peringkat laporan teknikal dilaksanakan bagi mengenalpasti status tahap kesediaan data, mendapat input berkaitan isu dan *key success factor* dalam pelaksanaan MUO serta cadangan perletakan agensi dalam struktur organisasi MUO.
- FGD bagi memantapkan hala tuju berkaitan pembangunan MUO, mendapat persetujuan cadangan kepada modul kandungan MUO serta memperincikan *roadmap* dan peranan/fungsi agensi dalam cadangan struktur organisasi MUO.



Sesi Perbincangan Secara Berkumpulan (FGD1) pada Ogos 2018 di KPKT, Putrajaya



Sesi Perbincangan Secara Berkumpulan (FGD2) pada Oktober 2018 di Bukit Tinggi, Pahang



Sesi Perbincangan Secara Berkumpulan (FGD2) pada Oktober 2018 di Bukit Tinggi, Pahang



Sesi Perbincangan Secara Berkumpulan (FGD3) pada Mac 2019 di Langkawi, Kedah

15

Sesi *Engagement* bersama agensi:

1. Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
2. Seksyen Teknologi Maklumat@PLANMalaysia
3. Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan@PLANMalaysia
4. Bahagian Maklumat Guna tanah Negara@PLANMalaysia
5. Urbanice Malaysia
6. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
7. Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)
8. Majlis Bandaraya Pulau Pinang
9. Majlis Bandaraya Shah Alam
10. Majlis Bandaraya Ipoh
11. Majlis Bandaraya Johor Bahru
12. PLANMalaysia Negeri Johor
13. PEGIS
14. PerakGIS
15. MIMOS Sdn Bhd

Perbincangan bersama agensi teknikal diadakan bagi membincangkan perkara berkaitan dengan perkongsian data dan maklumat yang terdapat di agensi serta tahap kesediaannya. Ia penting bagi membolehkan integrasi pangkalan data dan sistem dapat dibuat untuk menyokong pembangunan MUO.



Sesi Engagement bersama Iskandar Regional Development Authority (IRDA)



Sesi Engagement bersama PerakGIS dan Majlis Bandaraya Ipoh